

14 NOV 2002
PROTON-ARENA
600 PROTON MODEL TERBARU DITEMPAH DALAM SEMINGGU

IPOH, 14 Nov (Bernama) -- Model terbaru kereta buatan Malaysia, Proton Arena 1.5L dan Waja 1.8L mendapat sambutan yang menggalakkan di seluruh negara dengan 600 tempahan sudah diterima sejak dilancarkan awal bulan ini hingga Isnin lepas.

Pengurus Kanan Bahagian Operasi Cawangan Proton Edar, Rosli Said berkata, dalam tempoh seminggu sejak diperkenalkan rekod mereka menunjukkan 250 tempahan telah diterima untuk Proton Arena dan 350 unit untuk Waja 1.8.

Katanya, oleh kerana permintaan yang tinggi untuk kedua-dua model kereta itu, Proton Edar menjangka tempoh untuk pengguna mendapat kereta tersebut adalah di antara sebulan hingga dua bulan.

"Pihak kami berpuas hati dengan sambutan baik terhadap kedua-dua model kereta. Penghantaran pertama mungkin akan dapat dilakukan minggu depan. Bagaimanapun, jika sambutan semakin meningkat pengguna terpaksa menunggu selewat-lewatnya dua bulan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran promosi dan jualan Proton Arena 1.5L dan Waja 1.8 yang disempurnakan Datuk Bandar Ipoh, Datuk Talaat Husin, di sini hari ini.

Pada 7 November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan kedua-dua model kereta buatan Perusahaan Otomobil Malaysia (PROTON) di Dataran Putrajaya.

Waja 1.8L ialah versi sedan dipertingkatkan daripada model Waja 1.6L yang dilancarkan dua tahun lalu manakala Arena adalah model kenderaan pikap tempatan pertama.

Waja 1.8L didatangkan dalam dua versi iaitu Premium A mempunyai harga atas jalan RM77,249.42 manakala bagi Premium B yang mempunyai lebih banyak aksesori ialah RM78,674.42.

Sementara itu, bagi Proton Arena 1.5L yang dibangunkan berasaskan model Wira 1.5L dijual dengan harga di antara RM37,250.21 hingga RM41,332.45 seunit.

Rosli berkata pengusaha yang terbabit dalam aktiviti pertanian dan perniagaan kecil adalah kumpulan pembeli paling ramai membuat tempahan mendapatkan Proton Arena 1.5L

"Manakala golongan eksekutif yang memiliki pendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan pula sesuai untuk membuat tempahan bagi mendapatkan Proton Waja 1.8L," katanya.

Beliau berkata buat masa ini pengeluaran Proton Arena adalah 300 sebulan dan jumlah itu dijangka akan meningkat kepada 600 unit sebulan mulai tahun depan.

"Kami menjangkakan akan dapat mencatatkan jualan di antara 500 hingga 600 unit Proton Arena sebulan. Bagi Waja 1.8 pula kami menjangkakan sebanyak 400 unit," kata Rosli.

Katanya, sepanjang tempoh promosi yang akan diadakan di seluruh negara, Proton Edar akan memberi pelbagai tawaran menarik kepada pembeli seperti cermin gelap dan kadar faedah yang rendah iaitu 3.29 peratus.

"Kami akan mempergiatkan usaha mempromosi dari satu ke satu bandar kerana kami yakin kedua-dua model terbaru ini mempunyai tarikan tersendiri apatah lagi dengan tawaran yang kami berikan," katanya. -- BERNAMA

KAY OS